

# Pilih kasih: Anjuran Dr M pada swasta

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

TIDAK ada pilih kasih dalam peluang-peluang kenalkan pangkat, melanjutkan pelajaran dan lain-lain bidang bagi rakyat semua kaum di negara ini, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berharap, prinsip-prinsip tersebut juga hendaklah diamalkan oleh pihak swasta.

Menjawab soalan Encik Fung Ket Wing (DAP-Sandakan) di Dewan Rakyat, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan sentiasa mengamalkan prinsip keadilan dalam perkhidmatannya kerana Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum.

Menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Petaling), yang mendakwa jawatan-jawatan kanan dipegang oleh orang-orang Melayu sahaja, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Keadaan dalam Jabatan Kerajaan senang diperbetulkan, sektor-sektor swasta hendaklah juga mengikut sama."

Katanya lagi, amalan prinsip keadilan ini tidak terhad dalam perkhidmatan Kerajaan sahaja, bahkan dalam semua masyarakat dan sektor lain.

Tegasnya, keadaan dalam Kerajaan boleh diperbetulkan dan lain-lain sektor hendaklah ikut mengubah keadaannya.

Kepada soalan tambahan Encik Chan Teck Chan (DAP-Kota Melaka), beliau berkata, soal mengikis perasaan tidak puashati ada kaitannya dengan keadaan seluruh negara.

## KUALA LUMPUR, Isnin

"Kita tidak boleh mengikis perasaan itu di satu tempat dan meninggalkan di tempat yang lain," ujar beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, malangnya ada orang yang selalu membangkit-bangkitkan perasaan tidak puashati ini melalui ucapan-ucapan.

Tegas beliau, perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini akan terus wujud selagi ada golongan-golongan yang mengapi-apikannya.

Anggota DAP itu bertanya lagi, siapakah dan golongan manakah yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang selalu mengapi-apikan perasaan tidak puas hati?

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Slapa makan cili, dilah yang rasa pedasnya."

Menjawab soalan tambahan lain dari Encik Lim Kit Siang, Timbalan Perdana Menteri menafikan dalam jawapan awalnya ada membuat pengakuan bahawa berlaku ketidakadilan dalam badan Kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulangi, prinsip keadilan yang diamalkan oleh Kerajaan hendaklah dibuat dalam lain-lain bidang termasuk dalam DAP sendiri.

Katanya lagi: "Memang benar dalam UMNO ahli-ahlinya terdiri dari orang-orang Melayu, tetapi kita tidak amal prinsip perkauman."